



Mohd  
Azis Ngah

azis@bharian.com.my

# Pelbagai program meriahkan sambutan ulang tahun UMNO

**D**UA hari menjelang sambutan Ulang Tahun UMNO ke-66, pelbagai program sudah berlangsung dan semakin rancak menuju kemuncak sambutan besar-besaran selama tiga hari di Kompleks Sukan Bukit Jalil, bermula Jumaat ini.

Bertemakan 'UMNO Pembela Rakyat' ia cukup sesuai dan bermakna dalam usaha mendekati dan menyedarkan rakyat bahawa parti keramat orang Melayu itu pilihan tepat meneruskan kesinambungan perjuangan agama, bangsa dan negara.

Bersesuaian dengan usianya yang masuki 66 tahun, rakyat perlu terus disedarkan bahawa seluruh pembangunan di negara ini dalam semua bentuk adalah hasil perjuangan UMNO yang menjadi tunjang utama Barisan Nasional (BN).

Jangan terkejut jika anda melihat konvoi motosikal berkuasa tinggi menjelajah seluruh negara, membawa bendera parti, menemui rakyat di seluruh negara. Aktiviti kecil itu sebenarnya memberi impak besar dalam menyegarkan ingatan rakyat bahawa perjuangan akan diteruskan dan parti terus utuh seperti dulu.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Ahmad Dr Zahid Hamidi bersama Setiausaha Kerja UMNO, Datuk Ab Rauf Yusoh mengetuai konvoi dan memulakan perjalanan dari Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 6 Mei menuju ke Melaka diikuti Negeri Sembilan, Pahang dan Selangor.

Serentak itu, setiap negeri mengadakan majlis sambutan peringkat negeri diikuti kumpen keahlian, pendaftaran pemilih, penerimaan borang keahlian baru.

Konvoi itu adalah satu terjemahan atau simbolik kepada UMNO iaitu satu parti pembela rakyat yang sentiasa istiqamah dalam perjuangan memartabatkan agama, bangsa dan negara dengan mene-

kankan pendekatan sentiasa membela dan mendahulukan rakyat.

Program Larian Bendera Sang Saka Bangsa (larian bendera UMNO) juga sudah bermula sejak 1 Mei lalu. Bermula dari utara menuju ke Selatan dan berakhir di Bukit Jalil pada 11 Mei ini dengan matlamat sama dan sepanjang tempoh perjalanan ke Stadium Bukit Jalil itu, mereka mengumpul sejuta tandatangan sebagai tanda sokongan.

Larian bendera UMNO itu membabitkan empat zon iaitu Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor); Pantai Timur (Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor); Selatan (Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor) dan Sabah (Sabah, Selangor dan Wilayah Persekutuan).

Di Sabah, UMNO negeri sudah memulakan misi mengumpul sejuta tandatangan daripada semua 25 bahagian UMNO membabitkan 450,000 ahli, bahkan bukan ahli parti juga diberikan peluang menurunkan tandatangan sebagai sokongan kepada perjuangan parti.

Gerakan itu bermula di Sepanggar pada 4 Mei dan dijangka berakhir di UMNO Bahagian Kota Kinabalu dan Pengetusi Badan Perhubungan UMNO Negeri, Datuk Seri Musa Aman menyerahkan bendera kepada Ketua Pemuda UMNO Sabah, Awang Kadin Tang untuk

dibawa ke Semenanjung.

Bak kata Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Mansor, program sambutan itu bukan hanya untuk ahli, tetapi untuk rakyat dan pengunjung menjangkakan kehadiran antara 50,000 hingga 80,000 orang sepanjang tiga hari karnival di Bukit Jalil.

"Kita menyediakan banyak peluang dan maklumat kepada pengunjung melalui karnival dan ekspo. Ia bukan hanya maklumat perjuangan UMNO, tetapi info untuk pengunjung. Sesiapa saja boleh datang serta program yang kita buat," katanya.

Antara program disediakan ruang ekspo membabitkan pameran UMNO dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC); ruang seni seperti graffiti artis, ruang muzik, pancaragam, fesyen tekstil, projek rabak (komuniti seni) dan kuku besi (seni digital)

Ruang Teknologi pula menempatkan aktiviti animasi dan rakaman suara, pencipta robot, blogger, seramik dan kraf-tangan, pertanian hidroponik oleh Persatuan Mahasiswa Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) serta Ekspo pekerjaan melalui program 'BN Youth Job Fair'.

Ruang motivasi menyediakan program Kaseh Dia membabitkan pameran industri halal produk dan perkhidmatan, seni mempertahankan diri, usahawan muda, kumpulan usahawan serta aktiviti oleh Majlis Sukan Negara.

Sehari sebelum sambutan berlangsung, satu majlis tahlil diadakan di Surau Ar Rahman, PWTC diketuai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Jamil Khir Baharam.

Kemuncaknya, Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Razak dijadual menyampaikan amanat kepada ahli dan penyokong pada majlis pembukaan diikuti penyampaian penyampaian anugerah tokoh Melayu terbilang.

## FAKTA NOMBOR

66  
tahun

Ulang tahun penubuhan UMNO